



PETIKAN AKHBAR

Muhyiddin pengerusikan mesyuarat pertama Majlis Pekerjaan Negara

PETIKAN AKHBAR | 10 DISEMBER 2020



KUALA LUMPUR, 10 Dis – Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Pekerjaan Negara (NEC) yang diadakan secara maya di sini.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan berkata majlis itu turut dianggotai menteri berkaitan, antaranya Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan Pendidikan Dr Radzi Jidin dan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M. Saravanan, selain Menteri Kewangan Senator Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz yang merupakan pengerusi ganti NEC.

Kenyataan itu berkata majlis berkenaan akan turut disertai wakil sektor swasta dan industri yang akan diumumkan kelak, dan akan bermesyuarat secara kerap mengikut keperluan semasa.

“Menerusi penubuhan NEC, perdana menteri yakin inisiatif penciptaan pekerjaan yang bermula tahun 2021 dan ke hadapan akan menjadi lebih terancang dan dilaksanakan secara menyeluruh, bersepadu dan berkesan.

“Usaha ini akan dipandu oleh Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional yang akan dibangunkan kelak bagi memacu Malaysia ke tahap yang lebih tinggi serta menjamin kesejahteraan hidup rakyat,” menurut kenyataan itu.

Menurutnya NEC dibentuk bagi merealisasikan strategi menjana dan mengekalkan pekerjaan selaras dengan matlamat pertama Belanjawan 2021 iaitu ‘Kesejahteraan Rakyat’.

NEC juga merupakan majlis tadbir urus tertinggi dalam penetapan dasar, pelaksanaan serta pemantauan strategi dan inisiatif kerajaan, khusus dalam mencapai sasaran untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan selain menangani isu pengangguran.

“Penubuhan majlis ini turut sejajar dengan hasrat kerajaan dalam memastikan pemulihan dan rangsangan sektor ekonomi di Malaysia berjaya dilaksanakan dengan pendekatan menyeluruh, berpandukan data dan sepadan dengan permintaan industri semasa, di samping mengambil kira faktor kesejahteraan rakyat serta ketahanan ekonomi negara.

“NEC memainkan peranan yang penting bukan sahaja bagi meneruskan momentum pemulihan ekonomi dan meningkatkan penciptaan pekerjaan, bahkan untuk menangani isu-isu lain yang berkaitan seperti kekurangan pekerja di sektor tertentu, kesaksamaan peluang untuk golongan rentan, dan penggajian,” katanya.

NEC turut disokong sebuah pasukan petugas peringkat tinggi yang akan dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Mohd Zuki akan bertindak menyelaras lima pasukan petugas khas iaitu Pasukan Petugas Khas Pendidikan Nasional, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Sumber Manusia dan Keusahawanan, Real Economy, dan Deeptech and Future Skills.

“Pasukan Petugas Khas ini bertanggungjawab melaporkan status pelaksanaan di bawah kluster masing-masing kepada Pasukan Petugas Peringkat Tinggi secara bulanan.

“Unit Laksana (Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional) Kementerian Kewangan, akan bertindak selaku Sekretariat NEC dan memantau kemajuan pelaksanaan setiap program di bawah inisiatif NEC supaya lebih efektif berpandukan penilaian yang bersesuaian dari masa ke masa,” katanya.

Sehubungan itu katanya warganegara yang terkesan atau sedang mencari pekerjaan, boleh mula mendaftar di portal [MyFutureJobs](#) yang merupakan pusat sehenti dan rujukan utama kepada rakyat bagi inisiatif berkaitan pekerjaan, termasuk program peningkatan kemahiran dan latihan semula.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- [BERNAMA](#)
- [HARGA MINYAK](#)
- [PRICE OF PETROLEUM](#)
- [TENGGU ZAFRUL](#)
- [BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)
- [KWSP](#)
- [I-SINAR](#)
- [SINAR HARIAN](#)
- [JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)
- [PRIHATIN MOF](#)
- [PERMAI](#)
- [BERITA HARIAN](#)

